

Mahathir -- Perbincangan
IRAN AKAN PERUNTUKAN KUOTA 15 PERATUS UNTUK MINYAK KELAPA SAWIT
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

TEHERAN, 4 April (Bernama) -- Iran bersetuju memperuntukkan kuota 15 peratus untuk minyak kelapa sawit daripada 500,000 tan metrik keperluan tahunan minyak sayurannya, sekaligus membuka jalan bagi minyak kelapa sawit Malaysia memasuki negara itu, demikian dinyatakan di sini hari ini.

Keputusan kerajaan Iran itu disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh Presiden Iran, Ali Akbar Hashemi Rafsanjani semasa perbincangan mereka di sini, semalam.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali memberitahu pemberita Malaysia di sini bahawa dengan keputusan itu, masalah berkaitan eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke negara berkenaan sekarang telah diatasi.

Sebelum ini beberapa sektor di sini telah mengecap minyak kelapa sawit sebagai tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia.

Halim berkata bahawa semasa perbincangan selama satu jam yang berlangsung dalam suasana ramah dan mesra itu, pemimpin Iran itu juga mengundang Malaysia menyertai perkembangan industri minyak dan gas negara itu berikutan penemuan terbaru kawasan simpanan gas dan minyak di negara berkenaan. -- Lagi

▼04/04/17-03MST

CNS6889

U GB 04-04 00135 BA581

aab

Mahathir - Perbincangan 2 Teheran

Mahathir memberitahu presiden itu bahawa Malaysia berminat dengan tawaran berkenaan. Bagaimanapun, oleh kerana pelaburan itu melibatkan perbelanjaan modal yang besar, Petronas dan Perbadanan Minyak Negara Iran perlu mengkajinya.

Semasa perbincangan itu, Presiden Rafsanjani juga menjemput peniaga-peniaga Malaysia menyertai usaha memperkembangkan ekonominya khususnya dalam zon perdagangan bebas.

Dr Mahathir pula berkata sebuah syarikat Malaysia telah mengambil bahagian dalam projek pelancongan yang besar di pulau OESHM di Teluk Parsi, selatan bandar ini.

Mengenai permintaan Iran untuk membuka sebuah bank di Malaysia, Perdana Menteri memberitahu Presiden itu, ini mungkin sukar kerana Malaysia tidak lagi mengeluarkan lesen bank.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan agar pengusaha-pengusaha bank Iran menyertai urusan bank pesisir pantai di Labuan atau membeli saham dalam bank-bank yang ada. -- Lagi

▼04/04/17-12MST

CNS6909

U GB 04-04 00098 BA584

aab

Mahathir - Perbincangan 3 (Akhir) Teheran

Halim berkata kedua-dua pemimpin itu bertukar pandangan mengenai beberapa isu antarabangsa termasuk masalah Palestin, Bosnia-Herzegovina dan Afghanistan.

Kedua-dua pemimpin berkongsi pendapat mengenai perkara itu dan bersetuju untuk bekerjasama mengenai isu-isu itu pada forum antarabangsa.

Mereka juga bersetuju berusaha mengenai kemungkinan mewujudkan kerjasama antara Asean dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Tengah yang dianggotai oleh Iran.

Halim berkata Presiden itu juga menawarkan kepada Malaysia bagi menggunakan kemudahan jalan keretapi dan jalan raya bagi membawa barang-barang dari republik bekas Soviet itu. -- Bernama